



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# SIARAN MEDIA

## PENGIKTIRAFAN GOMBAK - HULU LANGAT GEOPARK DAN STONG GEOPARK SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN

Gombak-Hulu Langat dan Stong Geopark telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan yang ketujuh dan kelapan di bawah Program Pembangunan Geopark oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Pengiktirafan ini telah dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Bil. 2 Tahun 2022 yang diadakan pada 14 November 2022.

Gombak-Hulu Langat Geopark dengan keluasan 1,129.55 kilometer persegi meliputi seluruh Daerah Gombak (4 mukim) dan Daerah Hulu Langat (2 mukim) dengan bilangan penduduk lebih 1.5 juta orang. Geopark ini kaya dengan kepelbagaian geologi (31 geotapak), kepelbagaian biologi (6 biotapak) dan keunikan budaya tempatan (11 tapak budaya). Daripada 31 geotapak, terdapat 5 geotapak yang mempunyai nilai kepentingan bertaraf antarabangsa, 20 geotapak mempunyai nilai kepentingan bertaraf kebangsaan dan 6 geotapak mempunyai nilai kepentingan bertaraf tempatan.

Keistimewaan kawasan ini amat terserlah dengan kewujudan permatang kuarza terpanjang di Asia Tenggara yang dikenali sebagai Permatang Kuarza Gombak. Selain itu, landskap pergunungan indah dihiasi dengan air terjun dan jeram. Di sini juga wujud Sesar Kuala Lumpur dan pembentukan beberapa lembangan daratan termasuk lembangan di Batu Arang. Sejarah perejahan granit terbesar berlaku pada Zaman Trias (sekitar 205-250 juta tahun yang lampau) yang membentuk tulang belakang kepada Semenanjung Malaysia.

Pengunjung dapat melihat kepelbagaian batuan dan fosil seperti Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur Bukit Taikun, kepelbagaian rupa bumi tabii seperti Air Terjun Templer, kepelbagaian proses geologi seperti Kompleks Air Panas Dusun Tua, kepelbagaian rupa bumi antropogenik seperti Bekas Lombong Arang Batu dan sebagainya.

Stong Geopark berkeluasan sepanjang 2,131.99 kilometer persegi meliputi Daerah Kuala Balah, Daerah Batu Melintang, dan Daerah Jeli dalam Jajahan Jeli, serta Daerah Dabong dalam Jajahan Kuala Krai dengan bilangan penduduk lebih kurang 110,000 orang. Geopark ini kaya dengan kepelbagaian geologi (25 geotapak), kepelbagaian biologi (7 biotapak) dan budaya tempatan (16 tapak budaya). Daripada 25 geotapak, 4 daripadanya mempunyai nilai kepentingan bertaraf antarabangsa, 11 mempunyai nilai kepentingan bertaraf kebangsaan dan 10 mempunyai nilai kepentingan bertaraf tempatan.

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1



Kawasan Stong Geopark merangkumi 58% kawasan hutan, 37% kawasan pertanian dan selebihnya ialah kawasan penempatan, industri dan kemudahan infrastruktur masyarakat. Pengunjung boleh melihat pelbagai bentuk muka bumi antaranya batuan igneus Kompleks Migmatit Stong, landskap kars serta air terjun termasuk Air Terjun Jelawang yang merupakan air terjun tertinggi di Asia Tenggara. Stong Geopark mempunyai kepelbagaian biologi dengan spesies endemik seperti buluh *Hultommochloa pubescens* dan palma kipas *Licuala stongensis*, warisan budaya masyarakat orang asli dan kampung-kampung lama, kesan sejarah tinggalan penjajah serta fenomena 'Train to Dabong' yang menjadi daya tarikan kepada pelancong untuk mengunjungi kawasan tersebut.

Semasa Penilaian Stong Geopark dijalankan oleh pasukan daripada Jawatankuasa Pelaksana Geopark, beberapa artifak berupa cengkerang dan serpihan tembikar yang dipercayai berusia antara 1,000 hingga 5,000 tahun telah ditemui di Gua Keris, Geotapak Kompleks Gua Ikan, Dabong. Kajian arkeologi terperinci perlu dijalankan untuk menentukan nilai warisan arkeologi yang ada di tapak tersebut.

Pengiktirafan ini merupakan satu lagi pencapaian yang penting khususnya kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha memelihara kelestarian alam semula jadi dan pengurusan mampan kawasan Geopark Kebangsaan yang memiliki nilai kepentingan luar biasa (*geosite of extraordinary values*) seiring dengan Agenda Pembangunan Nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kementerian yakin kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dapat memastikan Geopark diurus dengan baik dan mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama di kawasan yang mempunyai kepentingan geologi bagi tujuan penyelidikan saintifik, pendidikan, penjanaaan ekonomi penduduk setempat dan pembangunan mampan.

Pengiktirafan ini adalah pengiktirafan Geopark Kebangsaan yang ketujuh dan kelapan selepas Lembah Kinta dan Lenggong Geopark di Perak; Jerai Geopark di Kedah; Kinabalu Geopark di Sabah; Labuan Geopark di Wilayah Persekutuan Labuan; dan Sarawak Delta Geopark di Sarawak.

## KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

15 NOVEMBER 2022

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1

